



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
ACCOUNTANT GENERAL'S DEPARTMENT MALAYSIA  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No.1, Persiaran Perdana  
Presint 2  
62592 Putrajaya  
MALAYSIA

Tel : 603-8882 1000  
Faks : 603-8882 1042  
Laman Web : www.anm.gov.my

JANM.BPPP.100-8/1/9 (20 )  
2 Februari 2021

Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua Jabatan Persekutuan

YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Akauntan/Bendahari Negeri

Pihak Berkuasa Badan Berkanun/ Agensi

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PERSIDANGAN AKAUNTAN ANTARABANGSA MIA (MIA INTERNATIONAL ACCOUNTANTS CONFERENCE) TAHUN 2021**

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Akauntan Malaysia (MIA) akan menganjurkan Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA (MIA Conference) 2021 seperti ketetapan berikut:

Tarikh	:	<b>8 hingga 10 Jun 2021</b> <b>(Selasa - Khamis)</b>
Tempat	:	<b>Secara maya</b>
Tema	:	<b>'Navigating a Sustainable Future with Agility and Resilience'</b>
Jam CPE	:	<b>20</b>

3. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Dato'/ Tuan/ Puan, MIA telah menawarkan kadar yuran sebanyak **RM950.00/peserta** bagi semua Akauntan lantikan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Bersama-sama ini disertakan surat jemputan dari MIA bertarikh 5 Jan 2021 dan risalah persidangan MIA 2021 untuk perhatian dan makluman.

4. Pendaftaran peserta dari setiap Kementerian/Jabatan/Agensi boleh dipanjangkan terus kepada MIA. Kerjasama Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian/ Ketua Jabatan/ Agensi adalah dimohon untuk menghebahkan maklumat ini kepada Akauntan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi. Untuk makluman, surat edaran dan risalah ini boleh dimuat turun dari laman web Jabatan Akauntan Negara Malaysia ([www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)).

5. Sebarang pertanyaan berkenaan persidangan ini, sila hubungi pegawai MIA seperti berikut;

Puan Noor Azlina Abu Bakar ( <a href="mailto:noorazlina@mia.org.my">noorazlina@mia.org.my</a> )	-	03 2722 9164
Ms Marti Sigi ( <a href="mailto:marti@mia.org.my">marti@mia.org.my</a> )	-	03 2722 9163
Cik Azlina Ahmad ( <a href="mailto:azlina@mia.org.my">azlina@mia.org.my</a> )	-	03 2722 9112
Cik Nadiah Namlur ( <a href="mailto:nadiah@mia.org.my">nadiah@mia.org.my</a> )	-	03 2722 9167

6. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
***"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"***

Saya yang menjalankan amanah,



**MOHD REDZUAN BIN HASAN** C.A.(M)  
**Timbalan Akauntan Negara ( Operasi )**

s.k (i) Akauntan Negara Malaysia



MALAYSIAN INSTITUTE  
OF ACCOUNTANTS

PROUD HOST:



Ruj. Kami: PD/MIAC2021/JANM/MCU

5 Jan 2021

YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa  
Akauntan Negara Malaysia  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)  
Aras 1-8 Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 1, Persiaran Perdana, Precinct 2,  
62594 Putrajaya

YBhg Datuk Dr Yacob

### **PERSIDANGAN AKAUNTAN ANTARABANGSA MIA (MIA CONFERENCE) 2021**

Sukacita dimaklumkan bahawa Malaysian Institute of Accountants (MIA) akan menganjurkan Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA (MIA Conference) 2021 secara maya selama 3 hari bermula pada 8 sehingga 10 Jun 2021.

Bertemakan '*Navigating a Sustainable Future with Agility and Resilience*', persidangan ini bakal membincangkan isu-isu semasa berkenaan peranan para akauntan di sektor awam dan swasta sebagai penasihat barisan hadapan yang harus mengetuai inovasi dan transformasi perniagaan di kala dunia sedang menghadapi penderitaan ekonomi dan social yang sangat besar, dipicu oleh krisis kesihatan global yang belum pernah terjadi sebelum ini disebabkan kesan pandemik COVID-19.

Menampilkan penceramah dari dalam dan luar negara secara maya, MIA Conference 2021 adalah platform untuk perkongsian ilmu dan maklumat yang relevan untuk menjana ekonomi semasa dan masa hadapan.

Justeru itu, MIA dengan sukacitanya menjemput pegawai-pegawai dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk mendaftar dan menjadi sebahagian daripada 3,000 peserta yang bakal menghadiri MIA Conference 2021 secara maya pada bulan Jun akan datang.

Kami ingin menawarkan 2 pakej istimewa khusus untuk peserta daripada JANM seperti berikut:

**A. "Super Saving Promotion"**

Yuran penyertaan : **RM800/ peserta**

(harga asal ialah RM1,300/peserta)

CPE hours : 20

Tarikh tawaran : Sah sehingga 31 Januari 2021

(pendaftaran berserta bayaran atau "Local Order" yang asli)

**B. "Special Rate Promotion"**

Yuran penyertaan : **RM950/ peserta**

(harga asal ialah RM1,300/peserta)

CPE hours : 20

Tarikh tawaran : 1 Feb 2021 sehingga 31 Mei 2021

(pendaftaran berserta bayaran atau "Local Order" yang asli)

Kami juga amat berbesar hati sekiranya YBhg. Datuk dapat memaklumkan mengenai tawaran ini kepada seluruh akauntan yang sedang berkhidmat di kementerian-kementerian, jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan para akauntan yang berkhidmat di bawah seliaan JANM agar mereka dapat turut serta dalam MIA Conference 2021.

Selain itu, kami juga ingin memohon sokongan dari JANM seperti berikut:

- a) Memberi kebenaran kepada MIA untuk menggunakan logo JANM pada risalah-risalah MIA Conference 2021 yang mana JANM dipaparkan sebagai "**Rakan Penyokong (Supporting Partner)**" dalam persidangan ini; DAN
- b) Memaparkan e-banner berserta pautan MIA Conference 2021 di laman sesawang JANM untuk memudahkan kakitangan JANM mendapatkan maklumat terkini tentang MIA Conference 2021.

Kami amat menghargai sekiranya pihak JANM dapat memberi maklumbalas terhadap perkara di atas selewat-lewatnya sebelum **15 Januari 2021**.

Bersama ini disertakan risalah pengenalan MIA Conference 2021 untuk perhatian YBhg. Datuk. Jika ada sebarang pertanyaan berkaitan persidangan ini, sila hubungi:

Nama Pegawai	Talian	Emel
Cik Marti Sigi	+603 2722 9163	<a href="mailto:marti@mia.org.my">marti@mia.org.my</a>
Cik Azlina Ahmad	+603 2722 9112	<a href="mailto:azlina@mia.org.my">azlina@mia.org.my</a>
Cik Nadiah Namlur	+603 2722 9167	<a href="mailto:nadiah@mia.org.my">nadiah@mia.org.my</a>
Pn Noor Azlina Abu Bakar	+603 2722 9164	<a href="mailto:noorazlina@mia.org.my">noorazlina@mia.org.my</a>

Kerjasama pihak YBhg. Datuk amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang Benar  
**MALYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTANTS**



**Dr Nurmazilah Dato' Mahzan**  
Ketua Pegawai Eksekutif